

**PERSONAL DATA PROTECTION
NOTIFICATION AND CONSENT**

For employees and job applicants

**Pursuant to sections 7 and 6, respectively, of the
Personal Data Protection Act 2010**

1. Collection of Personal Data

We would like to inform you that we, CrowdStrike Malaysia Sdn. Bhd. and each of our respective related corporations (as the term is defined in the Companies Act 2016), affiliates, and associated companies (hereinafter referred to as the "**Company**" "we" "our" or "us") (whether or not controlled by us) as data users (as the term is defined in the Personal Data Protection Act 2010) have or will collect, record, hold, store, use, disclose and/or process (collectively referred to as "**Process**") personal information about you in connection with your employment or prospective employment with us. In particular, we will Process some, one, or all of the following categories of personal information about you:

- (a) master data: name, age, gender, date of birth, citizenship, marital status, nationality, race, ethnic origin, identification card / passport details, sexual orientation, skills, education, qualifications, photographs or other images, CCTV recordings, biometrics, voice recordings, residency or work permit status, and military status (if relevant);
- (b) contact details: home address, home phone number and mobile number, personal and work email addresses, work address, work number;
- (c) emergency contact details: person and contact information to be contacted in case of an emergency, if provided by the employee;
- (d) organizational data: such as job title, job code, employee manager and next level manager, employee identification number, cost center and cost center allocation;

**MAKLUMAN PERLINDUNGAN DATA
PERIBADI DAN KEBENARAN**

Untuk pekerja dan pemohon kerja

**Selaras dengan seksyen 7 dan 6, masing-masing,
dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**

1. Pengumpulan Data Peribadi

Kami ingin memaklumkan anda bahawa kami, CrowdStrike Malaysia Sdn. Bhd., dan setiap satu perbadanan berkaitan kami (sepertimana terma ini ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016), ahli gabungan, dan syarikat sekutu kami (selepas ini dirujuk sebagai "**Syarikat**" atau "**kami**") (sama ada dikawal oleh kami atau tidak) sebagai pengguna data (sepertimana terma ini ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) telah atau akan mengumpul, merekodkan, memegang, menyimpan, menggunakan, mendedahkan dan/atau memproses (dirujuk secara kolektif sebagai "**Memproses**") maklumat peribadi tentang anda berhubung dengan pekerjaan atau bakal pekerjaan anda dengan kami. Khususnya, kami akan Memproses beberapa, satu, atau semua kategori maklumat peribadi berikut tentang anda:

- (a) data induk: nama, umur, jantina, tarikh lahir, kewarganegaraan, status perkahwinan, bangsa, asal-usul etnik, butir-butir kad pengenalan / pasport, orientasi seksual, kemahiran, pendidikan, kelayakan, gambar atau imej lain, rakaman CCTV, biometric, rakaman suara, status residen atau permit kerja, dan status tentera (jika berkaitan);
- (b) butir-butir hubungan: alamat rumah, nombor telefon rumah dan nombor mudah alih, alamat e-mel peribadi dan kerja, alamat tempat kerja, nombor telefon tempat kerja;
- (c) butir-butir hubungan kecemasan: orang dan maklumat hubungan yang perlu dihubungi jika berlaku kecemasan, jika diberikan oleh pekerja;
- (d) data organisasi: seperti nama jawatan, kod jawatan, pengurus pekerja dan pengurus peringkat seterusnya, nombor pengenalan pekerja, pusat kos dan peruntukan pusat kos;

- | | |
|--|---|
| (e) contract data: employment status, hours worked, start date, contract expiration date, previous employment details, date of termination, and reason for termination; | (e) data kontrak: status pekerjaan, jam bekerja, tarikh permulaan, tarikh tamat kontrak, butir-butir pekerjaan sebelum ini, tarikh pemberhentian kerja dan sebab pemberhentian kerja; |
| (f) compensation information: such as amount, currency, number of payments per year, bank account details, income tax file numbers, credit records; | (f) maklumat gaji: seperti jumlah, mata wang, bilangan pembayaran setahun, butir-butir akaun bank, nombor fail cukai pendapatan, rekod kredit; |
| (g) bonus and incentive information: such as details of applicable bonus, incentives, commission and equity plans; | (g) maklumat bonus dan insentif: seperti butir-butir bonus, insentif, pelan-pelan komisyen dan ekuiti yang diberikan; |
| (h) benefits information: such as car allowance, contributions to health insurance, pension contributions, government issued identifiers, social security number, medical information, prescription records; | (h) maklumat manfaat: seperti elaun kereta, sumbangan kepada insurans kesihatan, caruman pencen, pengenal pasti yang dikeluarkan oleh kerajaan, nombor keselamatan sosial, maklumat perubatan, rekod preskripsi; |
| (i) screening data: such as information relating to, where permitted by law, credit background checks, financial information, trade union membership (if any), driving license number, vehicle registration and driving history; | (i) data pemeriksaan: seperti maklumat yang berkaitan dengan, jika dibenarkan oleh undang-undang, penyemakan kredit dan latar belakang, maklumat kewangan, keahlian kesatuan sekerja (jika ada), nombor lesen memandu, pendaftaran kenderaan dan sejarah memandu; |
| (j) work data: computer usage information related to your use of company equipment, systems, and other resources, including IP addresses and similar data about you; and | (j) data kerja: maklumat penggunaan komputer yang berkaitan dengan penggunaan peralatan syarikat oleh anda, sistem dan sumber lain, termasuk alamat IP dan data yang serupa mengenai anda; dan |
| (k) any such information as we deem necessary or appropriate from time to time in connection with your employment and / or prospective employment with us. | (k) sebarang maklumat yang kami anggap perlu atau sesuai dari semasa ke semasa berhubung dengan pekerjaan dan / atau bakal pekerjaan anda dengan kami. |

We may also Process some or all of the following types of sensitive information about you in connection with your exercise of employment / prospective employment with us:

- (i) religious or similar beliefs;
- (ii) political opinions and beliefs;
- (iii) health condition and medical information such as health certifications, health

Kami juga mungkin Memproses beberapa atau semua jenis maklumat sensitif berikut tentang anda berhubung dengan pelaksanaan pekerjaan / bakal pekerjaan anda dengan kami:

- (i) kepercayaan agama atau kepercayaan yang serupa;
- (ii) pendapat dan kepercayaan politik;
- (iii) keadaan kesihatan dan maklumat perubatan seperti sijil kesihatan, data pemeriksaan

screening data as well as results of drug and alcohol testing, information on your health condition to allow us to make work place accommodations for you (such as providing a standing desk if you have back pain); and/or

- (iv) the commission of crimes, allegations thereof and / or convictions (such as criminal records);

(collectively together with (a)-(k) above, "**Personal Data**").

To the extent that you disclose to us any personal information and/or personal data (whether or not coming within the definition of Personal Data above) of another individual, we shall assume, without independent verification, that you have obtained such individual's consent for the disclosure of such information and / or personal data as well as the Processing of the same in accordance with the terms of this notification ("**Notification**").

2. Sources of Information

Your Personal Data will be obtained from the following sources, where applicable, or such other sources which we may see fit from time to time:

- (a) information provided or submitted by you in the job application form, resume, or through other employment related documents, or information provided or submitted by you to other sources or vendors;
- (b) publicly available or publicly accessible information;
- (c) websites, telephonic communications, emails, facsimiles;
- (d) third party administrators;
- (e) educational records;
- (f) information provided by previous employer(s) through employee reference checks;

kesihatan serta keputusan ujian dadah dan alkohol; dan / atau

- (iv) perlakuan jenayaan, dakwaan tentang perlakuan jenayah dan / atau sabitan (seperti rekod jenayah);

(secara kolektif bersama-sama dengan (a)-(k) di atas, "**Data Peribadi**").

Sejauh mana anda mendedahkan kepada kami sebarang maklumat peribadi dan/atau data peribadi (sama ada yang dirangkum di dalam takrifan Data Peribadi di atas atau tidak) tentang individu lain, kami akan mengandaikan, tanpa penentusahan bebas, bahawa anda telah mendapatkan kebenaran individu tersebut untuk mendedahkan maklumat dan / atau data peribadi tersebut serta Pemprosesannya selaras dengan terma-terma makluman ini ("**Makluman**").

2. Sumber Maklumat

Data Peribadi anda akan diperolehi daripada sumber berikut, jika berkenaan, atau sebarang sumber lain yang kami anggap wajar dari semasa ke semasa:

- (a) maklumat yang diberikan atau diserahkan oleh anda di dalam borang permohonan pekerjaan, *resume*, atau melalui dokumen berkaitan pekerjaan yang lain, atau maklumat yang diberikan atau diserahkan oleh anda kepada sumber-sumber atau vendor lain;
- (b) maklumat yang tersedia kepada orang ramai atau yang boleh diakses oleh orang ramai;
- (c) laman web, komunikasi telefon, e-mel, faks;
- (d) pentadbir pihak ketiga;
- (e) rekod pendidikan;
- (f) maklumat yang diberikan oleh bekas majikan melalui semakan perakuan pekerja;

- | | |
|--|--|
| (g) information provided by previous employer(s) pursuant to the sale of the previous employer's business to the Company; | (g) maklumat yang diberikan oleh bekas majikan selaras dengan penjualan perniagaan bekas majikan kepada Syarikat; |
| (h) information provided by vendors for assessing your suitability for the role; | (h) maklumat yang diberikan oleh vendor untuk membantu penilaian kesesuaian anda untuk peranan tersebut; |
| (i) employment agencies, if applicable; | (i) agensi pekerjaan, jika berkenaan; |
| (j) background checks; | (j) semakan latar belakang; |
| (k) professional and personal reference; and | (k) perakuan profesional dan peribadi; dan |
| (l) such other written or verbal communications or documents delivered to us prior to and during the course of our contractual or pre-contractual dealings with you. | (l) sebarang komunikasi bertulis atau lisan lain atau dokumen yang diserahkan kepada kami sebelum dan semasa urusan kontrak atau pra-kontrak kami dengan anda. |

As the accuracy of your Personal Data depends largely on the information you provide to us, kindly inform us as soon as practicable if there are any errors in your Personal Data or if there have been changes to your Personal Data. Any request by you to us to correct or delete your personal information may not result in correction or deletion of any information submitted or transferred by you to a third-party provider. If you require the third-party to correct or delete any of your personal information, you must contact the third party directly to request such correction or deletion.

3. Processing

In relation to employees of the Company, we will Process the Personal Data that you have provided to us for various purposes, including but not limited to:

- (a) administering your employment and managing human resource processes including amongst others, payroll, claims for reimbursement, human resource management, risk management, recruitment and internal / external audit;

Oleh sebab ketepatan Data Peribadi anda sebahagian besarnya bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh anda kepada kami, sila maklumkan kami secepat mungkin jika terdapat apa-apa kesilapan dalam Data Peribadi anda atau jika Data Peribadi anda berubah. Apa-apa permintaan oleh anda kepada kami untuk membetulkan atau memadam maklumat peribadi anda tidak akan menyebabkan pembetulan atau pemadaman apa-apa maklumat yang dikemukakan oleh anda kepada pembekal pihak ketiga. Sekiranya anda memerlukan pihak ketiga untuk membetulkan atau memadam sebarang maklumat peribadi anda, anda mesti menghubungi pihak ketiga secara terus untuk meminta pembetulan atau pemadaman tersebut.

3. Pemprosesan

Berkaitan dengan pekerja Syarikat, kami akan Memproses Data Peribadi yang diberikan oleh anda kepada kami untuk pelbagai tujuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) mentadbir pekerjaan anda dan mengurus proses sumber manusia termasuk antara lainnya, senarai gaji, tuntutan untuk pembayaran balik, pengurusan sumber manusia, pengurusan risiko, perekrutan dan audit dalaman / luaran;

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> (b) providing a global office directory of workforce members, their roles, positions and contact details; (c) administering employment related benefits, entitlements, compensation, deductions, contributions, and equity; (d) advancement and succession planning; (e) employee monitoring activities, where applicable; (f) workplace safety (i.e. via CCTV recordings); (g) workplace investigations and disciplinary proceedings; (h) reporting to local management; (i) the management of the employer-employee relationship; (j) to manage and or process employment related complaints and feedback; (k) protection of the Company, workforce or the public against injury, theft, legal liability, fraud, abuse, and other misconduct; (l) protection of intellectual property; (m) protection of network and information security, including prevention of unauthorized access to our computer and electronic communications systems and preventing malicious software distribution; (n) authentication of access to Company facilities (i.e. via biometrics); (o) discharging obligations imposed on the Company under applicable law, regulations, guidelines and/or relevant regulatory authorities; and (p) such other purposes as we deem necessary or appropriate from time to time. | <ul style="list-style-type: none"> (b) menyedia direktori pejabat global mengenai tenaga kerja, peranan, kedudukan dan butiran hubungannya; (c) mentadbir manfaat berkaitan pekerjaan, kelayakan, pampasan, potongan, sumbangan dan ekuiti; (d) peningkatan kerjaya dan perancangan penggantian; (e) aktiviti pemantauan pekerja, jika berkenaan; (f) keselamatan tempat kerja (iaitu melalui rakaman CCTV); (g) penyiasatan tempat kerja dan prosiding tatatertib; (h) melapor kepada pengurusan tempatan; (i) mengurus perhubungan majikan-pekerja; (j) mengurus dan atau memproses aduan dan maklum balas berkaitan pekerjaan; (k) melindungi Syarikat, tenaga kerja atau orang ramai terhadap kecederaan, kecurian, liabiliti undang-undang, penipuan, penyalahgunaan, dan salah laku lain; (l) perlindungan harta intelek; (m) perlindungan rangkaian dan keselamatan maklumat, termasuk pencegahan akses yang tidak dibenarkan kepada komputer dan sistem komunikasi elektronik kami dan mencegah pengedaran perisian yang berniat jahat; (n) pengesahan akses kepada kemudahan Syarikat (iaitu melalui biometrik); (o) melaksanakan kewajipan yang dikenakan terhadap Syarikat di bawah undang-undang yang berkuat kuasa, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia yang relevan; dan (p) sebarang tujuan lain yang kami anggap perlu atau sesuai dari semasa ke semasa. |
|--|---|

We may keep the Personal Data and that of other individuals that you provide to us for a reasonable

Berkaitan dengan pemohon pekerjaan, kami akan Memproses Data Peribadi anda bagi tujuan menilai kesesuaian anda untuk kekosongan jawatan tersebut.

period in accordance with legal requirements following your cessation of employment with us.

Ini termasuk, antara lainnya, menilai keupayaan teknikal, pengalaman pekerjaan, kesihatan fizikal dan mental anda serta menjalankan semakan latar belakang dan/atau perakuan pekerja.

4. Disclosure and Processing

In general, we will not disclose your Personal Data to any third party unless you have notified us in writing that you consent to such disclosure. Therefore, if you envisage that any third party such as financial institutions will be contacting us to request for your Personal Data, you should notify us in advance and provide your written consent for us to disclose your Personal Data.

Please note that it may be necessary for us to disclose your Personal Data:

- (a) where required by any regulatory authority of competent jurisdiction, such as the National Institute of Occupational Safety and Health, Social Security Organization, Department of Occupational Safety and Health, Employees Provident Fund, Inland Revenue Board, Department of Statistics Malaysia, Labour Department of Malaysia and other statutory bodies;
- (b) to discharge any legal obligation imposed on us by law, such as under the Employment Act 1955, Workmen's Compensation Act 1952, Occupational Safety and Health Act 1994, Social Security Act 1969 and the Employees Provident Fund Act 1991;
- (c) pursuant to an order of a court of competent jurisdiction;
- (d) to medical benefit and prescription drug administrators;
- (e) to pension administrators;
- (f) to employee relocation administrators;
- (g) to organizations including their professional service providers and relevant regulatory authorities whether within or outside

4. Pendedahan dan Pemprosesan

Secara amnya, kami tidak akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga kecuali anda telah memaklumkan kami secara bertulis bahawa anda memberikan kami berbuat demikian. Oleh itu, jika anda menjangka bahawa mana-mana pihak ketiga seperti institusi kewangan akan menghubungi kami untuk meminta Data Peribadi anda, anda hendaklah memaklumkan kami terlebih dahulu dan memberikan kebenaran bertulis anda supaya kami mendedahkan Data Peribadi anda.

Sila ambil maklum, bahawa kami mungkin perlu mendedahkan Data Peribadi anda:

- (a) jika dikehendaki oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia dengan bidang kuasa yang kompeten, seperti Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Malaysia dan badan berkanun lain;
- (b) untuk melaksanakan sebarang kewajipan undang-undang yang dikenakan terhadap kami di sisi undang-undang, seperti di bawah Akta Pekerjaan 1955, Akta Pampasan Pekerja 1952, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Keselamatan Sosial 1969 dan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991;
- (c) selaras dengan perintah mahkamah dengan bidang kuasa kompeten;
- (d) kepada pentadbir manfaat perubatan dan ubat preskripsi;
- (e) kepada pentadbir pencen;
- (f) kepada pentadbir penempatan semula pekerja;
- (g) kepada organisasi termasuk penyedia perkhidmatan profesional mereka dan pihak berkuasa kawal selia yang relevan sama ada di

Malaysia, in connection with the acquisition, disposition and / or intended acquisition or disposition of the Company's assets and / or of the Company itself whether directly or indirectly;

- (h) to other third party service providers, whether within or outside of Malaysia, that Process Personal Data on behalf of the Company and its affiliates;
- (i) to our partners and service providers for the purpose of training, development, payroll software maintenance, and various other HR-related purposes;
- (j) to your potential future employer where you have indicated any person from within the CrowdStrike group of companies as a referee;
- (k) if we deem that such disclosure is necessary to prevent or mitigate a serious and imminent threat to your life or health or the life or health of another person; and
- (l) in relation to a merger and acquisition transaction, a re-organization, or corporate restructuring involving the CrowdStrike group of companies.

Access to your Personal Data may be granted to other entities within the CrowdStrike group of companies and may be transferred out of Malaysia for purposes of data storage and managing employees' information more securely and efficiently at group level.

Rest assured that we will only disclose the minimum amount of information which we deem necessary and will take all reasonable steps to ensure that such information is kept confidential. We will not sell, rent or trade your Personal Data.

5. Providing Personal Data

dalam atau di luar Malaysia, berhubung dengan pemerolehan, pelupusan dan / atau cadangan untuk memperoleh atau melupuskan aset Syarikat dan / atau Syarikat itu sendiri sama ada secara langsung atau tidak langsung;

kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga lain, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang Memproses Data Peribadi bagi pihak Syarikat dan ahli gabungannya;

kepada rakan niaga dan penyedia perkhidmatan kami bagi tujuan latihan, pembangunan, penyenggaraan perisian senarai gaji, dan pelbagai tujuan berkaitan Sumber Manusia yang lain;

kepada calon majikan masa depan anda di mana anda telah menetapkan mana-mana orang dari dalam kumpulan syarikat CrowdStrike sebagai referi;

jika kami anggap pendedahan tersebut adalah perlu untuk mengelakkan atau mengurangkan ancaman yang serius dan hampir berlaku terhadap nyawa atau kesihatan anda atau nyawa atau kesihatan orang lain; dan berhubung dengan transaksi penggabungan dan pengambilalihan, penyusunan semula atau penstrukturkan semula korporat yang melibatkan kumpulan syarikat CrowdStrike.

Akses kepada Data Peribadi anda boleh diberikan kepada entiti lain di dalam kumpulan syarikat CrowdStrike dan boleh dipindahkan ke luar Malaysia bagi tujuan menyimpan data dan menguruskan maklumat pekerja dengan lebih selamat dan cekap pada peringkat kumpulan.

Kami ingin meyakinkan bahawa kami hanya akan mendedahkan jumlah maklumat paling minimum yang kami anggap perlu dan akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan maklumat tersebut dirahsiakan. Kami tidak akan menjual, menyewakan atau memperdagangkan Data Peribadi anda.

5. Menyediakan Data Peribadi



It is obligatory for you to provide all of the categories of Personal Data which we request from you.

In relation to employees, in the event that you elect not to provide categories of Personal Data as listed in clause 1 above, this may adversely affect your ability to enjoy and/or participate in the full employment-related benefits and entitlements which we provide to our employees and may affect our ability to accomplish the purposes stated above.

In relation to job applicants, if you elect not to provide categories of Personal Data as listed in clause 1 above, this may adversely affect our ability to assess your suitability for the job opening and our ability to offer employment to you.

6. Access to Personal Data and limiting Processing

As an employee or prospective employee whose Personal Data is processed by us, you have rights to request access and/or to correct your Personal Data and/or limit the processing thereof at any time hereafter in line with applicable law and/or any applicable data protection law. We must point out that, in limiting the Processing as requested, the same consequences described in Clause (5) above could apply. If this is the case, we will inform you of the consequences in further detail depending on the specific Personal Data. You are also requested to correct and/or amend your Personal Data to the extent you realise it is incorrect. With respect to all of the above, you may:

- (a) check whether we hold or use your Personal Data and request access to such data;

Anda wajib menyediakan semua kategori Data Peribadi yang diminta oleh kami daripada anda.

Berkaitan dengan pekerja, jika anda memilih untuk tidak menyediakan kategori Data Peribadi yang disenaraikan dalam klausa 1 di atas, ini mungkin menjelaskan keupayaan anda untuk menikmati dan/atau menyertai dengan sepenuhnya manfaat dan kelayakan berkaitan pekerja yang kami sediakan kepada pekerja kami dan boleh menjelaskan keupayaan kami untuk mencapai tujuan yang dinyatakan di atas.

Berkaitan dengan pemohon pekerjaan, jika anda memilih untuk tidak menyediakan kategori Data Peribadi yang disenaraikan dalam klausa 1 di atas, ini mungkin menjelaskan keupayaan kami untuk menilai kesesuaian anda untuk kekosongan jawatan dan keupayaan kami untuk menawarkan pekerjaan kepada anda.

6. Akses kepada Data Peribadi dan membataskan Pemprosesan

Sebagai pekerja atau bakal pekerja yang Data Peribadi anda diproses oleh kami, anda berhak meminta akses dan/atau membetulkan Data Peribadi anda dan/atau membataskan pemprosesannya pada bila-bila masa selepas ini selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa dan/atau sebarang undang-undang perlindungan data yang berkuat kuasa. Kami perlu menekankan bahawa, jika Pemprosesan dibataskan seperti diminta, akibat yang sama seperti yang diterangkan di dalam Klausa (5) di atas boleh berbangkit. Jika begitu, kami akan maklumkan anda tentang akibatnya dengan lebih terperinci bergantung kepada Data Peribadi tertentu. Anda juga diminta membetulkan dan/atau meminda Data Peribadi anda sejauh mana anda menyedari bahawa Data Peribadi anda adalah tidak tepat. Berhubung dengan semua perkara di atas, anda boleh:

- (a) menyemak sama ada kami menyimpan atau menggunakan Data Peribadi anda dan meminta akses kepada data tersebut;

- (b) request that we correct any of your Personal Data that is inaccurate, incomplete or out-of-date;
 - (c) request that your Personal Data is retained by us only as long as necessary for the fulfilment of the purposes for which it was collected; and
 - (d) withdraw, in full or in part, your consent given previously, in each case subject to any applicable legal restrictions, contractual conditions and a reasonable time period as well as the consequences as mentioned above.
- (b) meminta agar kami membetulkan sebarang Data Peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap atau ketinggalan zaman;
 - (c) meminta supaya Data Peribadi anda disimpan oleh kami hanya selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan pengumpulannya; dan
 - (d) menarik balik, dengan sepenuhnya atau sebahagiannya, kebenaran yang anda berikan sebelum ini, dalam setiap keadaan tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang berkuat kuasa, syarat-syarat kontrak dan tempoh masa yang munasabah serta akibat yang disebut di atas.

If you have questions or concerns regarding the handling of your personal information please contact the compliance department via email at candidateprivacy@crowdstrike.com, employeeprivacy@crowdstrike.com or through telephone to the local data protection representative at +60 (3) 30992906. Alternatively, you may report concerns or complaints, including information about potential data breaches involving personal information to the Legal Department at candidateprivacy@crowdstrike.com or employeeprivacy@crowdstrike.com.

Sekiranya anda mempunyai soalan atau kebimbangan mengenai pengendalian maklumat peribadi anda, sila hubungi jabatan pematuhan melalui e-mel di candidateprivacy@crowdstrike.com, employeeprivacy@crowdstrike.com, atau melalui telefon kepada wakil pelindung maklumat tempatan di +60 (3) 30992906. Sebagai alternatif, anda boleh melaporkan kebimbangan atau aduan, termasuk maklumat tentang kemungkinan pelanggaran data yang melibatkan maklumat peribadi kepada Jabatan Undang-undang di candidateprivacy@crowdstrike.com atau employeeprivacy@crowdstrike.com